



21 JUN, 2025

Insentif Cekap Tenaga galak penggunaan elektrik berhemah



Berita Harian, Malaysia

Insentif Cekap Tenaga galak penggunaan elektrik berhemah



Putrajaya: Insentif Cekap Tenaga akan diperkenalkan sebagai galakan kepada 23.6 juta pengguna domestik yang mengamalkan penggunaan elektrik secara berhemah, kata Suruhanjaya Tenaga (ST).

Melalui insentif itu, ia berkata, pengguna domestik dengan penggunaan elektrik 1,000 kWj dan ke bawah dijangka tidak terkesan dengan pelaksanaan jadual tarif baru.

Selain itu, katanya, pengguna bukan domestik voltan rendah yang menggunakan 200 kWj dan ke bawah turut akan mendapat manfaat daripada insentif itu.

"Selain itu, skim Masa Penggunaan atau 'Time of Use' (TOU) telah diselaras dan diperluas kepada tempoh luar puncak yang lebih panjang iaitu keseluruhan Sabtu, Ahad dan jam 10 malam sehingga 2 petang pada Isnin hingga Jumaat.

"Ini bagi menggalakkan pengurusan penggunaan yang lebih cekap mengikut waktu permintaan, sejar dengan usaha ke arah sistem tenaga yang lebih cekap dan lestari," katanya dalam satu kenyataan.

ST berkata, sekiranya penggu-

na menggunakan waktu di luar puncak, pengguna dapat menjimatkan bil elektrik berbanding penggunaan ketika waktu puncak.

Ia menjelaskan, bagi memastikan aspek sosial dan kebijakan dipelihara, kerajaan bersetuju supaya tarif spesifik digunakan bagi kategori pertanian, perkhemahan air dan pembetungan serta operator rel atau *traction*.

Katanya, pemberian rebat sebanyak 10 peratus bagi institut berdaftar pengajian tinggi, sekolah, rumah kebajikan dan rumah ibadat serta penerusan Program Rebат Bil Elektrik RM40, iaitu bantuan bulanan sehingga maksimum RM40 yang diberikan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) berstatus miskin tegar dan berdaftar dalam sistem e-Kasih di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Pengguna yang layak boleh membuat semakan status kelayakan masing-masing di laman sesawang <https://semaikanreb.bat.petra.gov.my/apps/public/index.php> atau hadir ke kedai utiliti elektrik yang berhampiran," katanya.

Secara keseluruhan, ST berkata, pendekatan itu bertujuan

menggalakkan inisiatif kecekapan tenaga dan penggunaan tenaga boleh baharu yang memberi manfaat bersama melalui sistem tenaga yang lebih efisien dan mampan.

Katanya, semua pengguna juga akan menerima bil elektrik dalam format baharu yang lebih terperinci.

"Susulan pelaksanaan jadual tarif baharu ini, majoriti pengguna dijangka tidak terkesan. Malah, pengguna yang mengamalkan penggunaan tenaga secara cekap akan menikmati penjimatatan yang lebih tinggi menerusi Insentif Cekap Tenaga," katanya.

ST berkata, sebagai badan kawal selia tenaga di Semenanjung, pihaknya komited untuk memastikan pelaksanaan tarif berdasarkan prinsip adil, telus dan mampan bagi memenuhi keperluan dan mengimbangi kepentingan semua pengguna tenaga.

Penstrukturran dan penyelarasan secara menyeluruh itu adalah langkah penting bagi merealisasikan serta memperkuatkan agenda peralihan tenaga negara yang saksama dan inklusif, katanya.